




BULETIN UPUM

Unit Perundingan Universiti Malaya



UNIT PERUNDINGAN UNIVERSITI MALAYA
TINGKAT 2, BLOK D, KOMPLEKS PERDANASISWAH,
UNIVERSITI MALAYA,
50603 KUALA LUMPUR, WILAYAH PERSEKUTUAN
Phone: 03-79673556/ 3557 :: 03-7958 5373/7066
Fax: 03-7958 7061
E-mail: ketua_up_ippp@um.edu.my

TERKINI

VISI

To be An Internationally Renowned Consultancy Centre By Harnessing The Expertise of The University To Benefit Industry, Nation and Mankind.

MISI

"Fostering Efficiency Effectiveness, and Enhancing Productivity and Up-Grading Service in The Profession, Industry, Community and Nation Through Synergistic Utilisation of Available Resources"

MAKLUMAT STAF

En. Ahmad Ali Emran



Pn. Hafiza Othman



Pn. Maznolita Hamdan

eimas@um.edu.my

PEGAWAI TADBIR UPUM

AKTIVITI YANG TELAH DIJALANKAN:



MAKLUMAT PROJEK:

KAJIAN PASARAN BERKENaan PEMBANGUNAN TERMINAL FERI TG BELUNGKOR, KOTA TINGGI – CHANGI, SIN- GAPURA

UPUM telah dilantik oleh Lembaga Pelabuhan Johor bagi menjalankan kajian ini. Perunding yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri dari pelbagai disiplin seperti pemasaran, pengangkutan, perancangan Bandar, kewangan dan sebagainya. Pihak perunding telah membentangkan beberapa siri laporan kepada klien dan telah diterima.

Selain itu, projek ini juga melibatkan beberapa pensyarah muda dalam usaha untuk mendedahkan mereka dengan alam perundingan serta mewujudkan generasi pelapis pada masa yang akan datang.

Perunding-perunding yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti berikut:-

- Prof. Dr. Md. Nor Othman (*Ketua projek*)
- Prof. Ir Mohamed Rehan Karim
- Prof. Madya Dr. Melasutra Md Dali
- Dr. Norbani Che Ha
- En. Mohd Lukman Abdul Mutalib
- En. Mohd Edil Sukor
- En. Mohd Rasdan Ibrahim
- En. Zulazman Zakaria (*turut membantu*)



KURSUS CPD

Bengkel Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) iaitu CNC –Parts Programming & Machining telah dijalankan dengan jayanya pada 23-26 Jun 2008 di Rumah Universiti Malaya.

Bengkel ini mendapat sambutan yang mengalakkan terutama daripada Universiti-universiti lain. Bengkel seterusnya iaitu Ergonomics : Hazard Free at Work Place, tenaga pengajar Dr. Siti Zawiah Md. Dawal . Sebarang urusan dan pertanyaan boleh diajukan melalui e-mail upum_cpd@um.edu.my atau menghubungi UPUM.



KAJIAN MEWUJUDKAN KEPELBAGAIAN PRODUK PELANCONGAN DI KUALA LUMPUR

Perunding projek ini telah memberi taklimat kepada Y.Bhg Dato' Ab. Hakim Borhan, Datuk Bandar Kuala Lumpur bagi menerangkan hasil kajian yang telah dijalankan. Taklimat ini telah berlangsung pada 29 Julai 2008 di Bangunan DBKL. Dengan berlangsungnya taklimat ini diharap kajian ini mencapai sasaran pihak klien. Perunding-perunding yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti berikut:-

- Prof Madya Dr Ghazali Musa (*Ketua Projek*)
- Prof Madya Dr Melasutra Md Dali
- Dr Tan Wan Hin
- Dr Norbani Che Ha
- Pn Rosilawati Zainol



DEVELOPMENT OF DRINKING WATER QUALITY INDEX

UPUM dengan kerjasama Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Kementerian Kesihatan Malaysia telah menganjurkan satu bengkel pada 31 Julai 2008 di Rumah Universiti, Universiti Malaya. YM Engku Azman Tuan Mat selaku Timbalan Pengarah Kanan Regulatori, Kementerian Kesihatan Malaysia telah merasmikan bengkel tersebut. Para peserta terdiri daripada syarikat bekalan air dari semua negeri. Bengkel ini diadakan bagi mendapatkan pandangan dan maklumbalas berkaitan dengan kajian yang sedang dilaksanakan oleh UPUM. Maklumbalas yang diterima oleh pihak UPUM adalah memuaskan pada keseluruhannya.

Perunding-perunding yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti berikut:-

- Prof. Dr. Wang Chee Woon (*ketua projek*)
- Prof. Dato' Dr. Mohd Jamil Maah
- Prof Dr Mustafa Ali Mohd
- Dr. Abdul Rani Abdullah Baginda



HEBAHAN:

ROAD SHOW

Pada 5 Mei 2008 yang lalu UPUM telah membuat sesi penerangan di Fakulti Perubatan. Ini merupakan kali pertama UPUM berpeluang menerangkan fungsi UPUM kepada warga Fakulti Perubatan. Adalah diharapkan sesi ini dapat dimanfaat oleh warga Fakulti Perubatan

UPUM akan mengadakan road show di Fakulti Sains Komputer pada bulan Disember 2008. Kehadiran anda khususnya pensyarah di fakulti tersebut semua amat dialu-alukan bagi memeriahkan lagi sesi promosi kami ini.



GARIS PANDUAN MENGENAI KERJA PERUNDINGAN (Mendapatkan Kebenaran Untuk Menjalankan Perundingan)

- Setiap staf perlu mendapat kebenaran bertulis daripada Universiti untuk menjalankan atau melibatkan diri dalam kerja perundingan.
- Semua kerja perundingan hendaklah diuruskan melalui UPUM.
- UPUM akan bertindak bagi pihak staf perunding untuk mendapatkan kebenaran. Permohonan untuk menjalankan kerja perundingan akan dikemukakan oleh UPUM kepada pihak berikut:
 - a) Ketua PTj bagi projek perundingan yang kosnya kurang daripada RM500,000.
 - b) Timbalan Naib Canselor (Akademik) bagi pihak Naib Canselor dengan perakuan Ketua PTj bagi projek perundingan yang kosnya RM500,000 atau lebih.
- Dalam pertimbangan untuk memberi kelulusan permohonan menjalankan perundingan, perkara berikut akan diberi perhatian:
 - a) Kerja perundingan tidak akan menjelaskan tugas pengajaran dan tugas-tugas rasmi lain.
 - b) Kerja perundingan tersebut memberi faedah dalam bentuk peningkatan ilmu dan pengalaman kepada staf dalam bidang penghususannya.
- c) Tempoh keseluruhan kerja perundingan hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum yang dibenarkan bagi setiap staf, iaitu empat (4) bulan-kerja (*man-month*) bagi satu tahun kalender. UPUM akan menyimpan rekod kerja perundingan setiap staf.
- d) Staf tersebut dapat menyelesaikan kerja perundingan sebelum persaraan wajib atau tamat kontrak perkhidmatan dengan Universiti Malaya.
- Staf perlu memohon cuti bertugas (tanpa rekod) jika kerja perundingan melibatkan perjalanan jauh (*outstation*).
- Semua kerja perundingan di Universiti Malaya mesti dijalankan melalui UPUM, walaupun kerja itu pada awalnya diperolehi oleh staf itu sendiri.
- Sebarang cadangan kerja perundingan yang diperolehi oleh staf secara persendirian hendaklah dirujuk kepada UPUM secepat mungkin, iaitu sebelum penyerahan cadangan kepada klien. Ini bertujuan memastikan kertas cadangan disediakan dengan kemas dan perundingan dengan klien dijalankan secara sistematik dan profesional.